

Pemandu lori parkir treler di tepi jalan sebabkan kemalangan didenda RM5,000

SIBU: Seorang pemandu lori yang meletakkan lori treler yang dipandunya di tepi jalan sehingga menyebabkan kemalangan, dijatuhi hukuman denda RM5,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam.

Tertuduh, Rawing Tawi, 60, dijatuhi hukuman itu setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan kepadanya di hadapan Majistret Romario Jono mengikut Seksyen 48(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sabit kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak kurang setahun atau kedua-duanya sekali.

Mengikut pertuduhan, Rawing sebagai pemandu lori treler telah meletakkan lori tersebut di tepi Jalan KJD, Julau yang menyebabkan kemalangan dengan sebuah lori lain pada 24 Februari 2026, jam lebih kurang 12.30 pagi.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh telah meletakkan lori treler yang dipandunya di bahu jalan sebelah kiri di Batu 12, Jalan KJD, Julau kira-kira jam 12.20 pagi untuk berhenti rehat dan tidur di rumahnya.

Kira-kira 10 minit kemudian, sebuah lori yang datang dari arah belakang telah melanggar belakang lori treler tersebut, menyebabkan keldindan lori terbabit meninggal dunia di tempat kejadian.

Siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh telah meletakkan lori treler di bahu jalan, menyebabkan halangan serta bahaya kepada pengguna jalan yang lain.

Tertuduh juga gagal meletakkan sebarang tanda amaran di belakang lori bagi memberi peringatan kepada pengguna jalan raya yang lain.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Keshava Rao Tharma Raja, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.